

# *Hikayat Kalilah dan Dimnah: Interpretasi Pengarang dalam Pengungkapan Nilai Ilmu Pendidikan*

**BITARA**

Volume 7, Issue 1, 2024: 121-131  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 31 December 2023  
Accepted: 11 January 2024  
Published: 2 February 2024

## [*Hikayat Kalilah dan Dimnah: The Author's Interpretation in Expressing The Value of Education Knowledge*]

Nadiatul Shakinah Abdul Rahman<sup>1\*</sup>, Salmah Jan Noor Muhammad<sup>2</sup>  
& Mohd Shukrey Ahmad<sup>1</sup>

1 Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu dan Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Penang, MALAYSIA.  
Email: nadiatulshakinah@usm.my; shukrey.ahmad@usm.my

2 Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.  
Email: salmahjan@upm.edu.my

\*Corresponding Author: [\\_nadiatulshakinah@usm.my](mailto:_nadiatulshakinah@usm.my)

### Abstrak

Karya sastera merupakan wadah yang menjadi pilihan pengarang dalam mengungkapkan kepelbagaian ilmu yang bertujuan untuk dikongsi bersama khalayak. Perkongsian ilmu pendidikan khususnya amat bertepatan dengan salah satu fungsi sastera sebagai medium mendidik masyarakat. Pengarang menghasilkan karya sastera adalah melalui pengamatan, pemerhatian dan pengalaman yang telah dilalui oleh masyarakat. Pemaparan cerita dalam karya sastera tidak dihadirkan secara kosong kerana setiap cerita yang disampaikan itu mengandungi mesej, pesanan dan pengajaran yang bertujuan untuk mendidik masyarakat. Lantaran itu, penciptaan karya sastera telah memperlihatkan kreativiti pengarang dalam mengungkapkan nilai ilmu pendidikan menerusi karyanya. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis pengungkapan nilai ilmu pendidikan menerusi *Hikayat Kalilah dan Dimnah* sebagai data kajian ini. Makalah ini akan menggunakan kaedah kepustakaan, analisis data kajian dan menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci dalam mengukuhkan hujahan. Menerusi hasil perbincangan makalah ini telah membuktikan bahawa pelbagai nilai ilmu pendidikan yang dapat memberikan mesej dan pengajaran kepada khalayak. Justeru, kepentingan perbincangan ini akan meninggalkan impak kepada masyarakat khususnya dalam membentuk peribadi dan sikap yang baik. Malah, dapat menambahkan pengkajian mengenai ilmu pendidikan dan menjadi rujukan kepada khalayak.

**Kata kunci:** Hikayat, mesej, mendidik, masyarakat, pengajaran

### Abstract

Literary works are the medium that the author chooses to express the diversity of knowledge that aims to be shared with the audience. The sharing of educational knowledge coincides with one of the functions of literature as a medium to educate the community. Authors produce literary works through observations, observations and experiences that have been passed by the community. The presentation of stories in literary works is not presented in an empty way because each story that is presented contains messages, messages and lessons that aim to educate society. Therefore, the creation of literary works has shown the author's creativity in expressing the value of education through his works. Therefore, this study will identify and analyze the disclosure of the value of

education through *Hikayat Kalilah and Dimnah* as the data of this study. This paper will use library methods, research data analysis and using the *Teori Konseptual Kata Kunci* in strengthening the argument. Through the results of this paper's discussion, it has been proven that the various values of education can provide messages and lessons to the audience. Thus, the importance of this discussion will leave an impact on the community, especially in forming a good personality and attitude. In fact, it can add to the study of educational science and become a reference for the audience.

**Keywords:** *Hikayat, message, educate, society, teaching*

**Cite This Article:**

Nadiatul Shakinah Abdul Rahman, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Shukrey Ahmad. (2024). Hikayat Kalilah dan Dimnah: Interpretasi Pengarang dalam Pengungkapan Nilai Ilmu Pendidikan [Hikayat Kalilah dan Dimnah: The Author's Interpretation in Expressing The Value of Education Knowledge]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 121-131.

## Pengenalan

Kesusasteraan merupakan medium yang digunakan oleh pengarang dalam menyampaikan pemikiran, idea, gagasan dan emosi. Menurut Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Asiah Abdul Rahman (2011), karya sastera mengungkap unsur akaliah melalui sisipan ilmu atau pemikiran pengarang. Karya sastera adalah perutusan, amanat dan lontaran idea pengarang untuk disampaikan, dikongsi dan direnungi oleh khalayak pembaca. Perbincangan tentang pemikiran, mesej atau gagasan idea dalam sesebuah karya merupakan persoalan utama dan penting untuk difikirkan oleh seseorang pengarang sebelum terciptanya sesebuah karya kreatif imaginatif.

Penghasilan karya sastera adalah berteraskan kepada pemikiran dan matlamat pengarang yang bertujuan untuk ditatap dan dikongsi bersama khalayak pembaca. Dalam hal ini, kesusasteraan yang terhasil itu adalah dari kesedaran dan keinginan pengarang atau masyarakat untuk berkongsi maklumat dan hal-hal yang berkaitan dengan kehidupannya. Maklumat yang ingin dikongsikan itu bersumberkan persekitaran, pengalaman, pemerhatian atau pembacaan untuk mengetengahkan sesuatu yang menarik untuk dikongsi bersama. Kewujudan karya sastera tidak hadir secara sewenang-wenangnya atau tanpa asas bahkan kewujudannya bersandarkan tujuan dan matlamat tertentu (Arba'ie Sujud, *et. al.*, 2011).

Pengarang mempunyai tujuan dan matlamat dalam setiap karya sastera yang dihasilkan itu. Pengarang merupakan sosok utama dalam memastikan setiap maklumat yang terkandung dalam karya sasteranya itu dapat disampaikan dan dikongsikan kepada khalayak. Pengarang perlu memastikan setiap pemikiran, idea dan ilmu yang terkandung dalam karyanya itu dapat diterima oleh khalayak dan mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka. Menurut Arba'ie Sujud, *et. al.*, (2011), semua yang dipaparkan dalam karya sastera itu adalah rakaman dan cetusan idea yang bukan sekadar imaginasi kosong tetapi, mengandungi maklumat, mesej mahupun pengajaran yang mampu diperoleh jika ditafsirkan secara halus. Melalui sastera masyarakat dapat mempelajari tentang hidup dan kehidupan, masyarakat dan kemasyarakatan, pemimpin dan kepimpinan serta pelbagai ranah sosiobudaya.

Sehubungan itu, pengarang haruslah mencipta karyanya berdasarkan fungsi sastra itu sendiri. Satu daripada fungsi sastra adalah berbentuk ilmu pendidikan yang bertujuan untuk mendidik khalayaknya. Pendidikan merupakan salah satu peranan yang dikendong kesusasteraan untuk disampaikan kepada masyarakat selain berperanan sebagai sumber hiburan. Pendidikan sebagai satu daripada peranan utamanya, bermaksud dengan membaca hasil sesebuah karya kreatif itu, seseorang atau masyarakat pembaca dapat memperkayakan pengalaman dan pengetahuan, mentafsirkan hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan dengan lebih baik, menghidupkan daya imaginasi, merangsang minat membaca sebagai suatu budaya hidup (Othman Puteh, 1989). Selain itu, Mohd Taib Osman (1977) menjelaskan bahawa sastra sebagai alat pendidikan dapat diteliti daripada penggunaan aspek bahasa, estetika dan budaya masyarakat.

Ilmu pendidikan yang digarap oleh pengarang dalam karya sastra memberikan manfaat dan amat berkepentingan dalam membentuk peribadi dan sahsiah dan membentuk menjadi manusia yang lebih baik. Ani Omar (2015) menjelaskan bahawa pengajaran kesusasteraan berkait rapat dengan pembentukan sahsiah dan perwatakan seseorang. Pembinaan dan penciptaan sastra penuh dengan estetik dan sarat dengan unsur-unsur moral kerana sastra tidak dihasilkan secara sia-sia. Bahan sastra yang memaparkan pelbagai pemikiran, persoalan dan kritikan yang memerlukan pembaca untuk merumus atau membuat tafsiran sendiri berkaitan dengan isu, topik atau tajuk yang diketengahkan dalam sesebuah karya sastra. Setiap pembaca mempunyai pandangan, pendapat, anggapan atau idea tersendiri terhadap bahan sastra yang telah dibacanya (Ani Omar, 2015).

Justeru, jika diamati secara halus dapat memperlihatkan bahawa ilmu pendidikan yang diungkapkan oleh pengarang dalam karyanya dapat memberikan mesej, pengajaran, nasihat dan kesan yang mendalam kepada khalayak pembaca. Oleh yang demikian, makalah ini akan memfokuskan kepada interpretasi pengarang dalam mengungkapkan ilmu pendidikan menerusi *Hikayat Kalilah dan Dimnah*.

## Latar Belakang *Hikayat Kalilah Dan Dimnah*

*Hikayat Kalilah dan Dimnah* merupakan kitab karya ahli falsafah India bernama Baidaba yang kemudian diterjemahkan oleh Ibn al-Muqaffa tanpa mengubah makna karya aslinya. Hikayat ini menyisipkan cerita-cerita berbingkai. Tujuan Baidaba mengarang *Hikayat Kalilah dan Dimnah* adalah atas permintaan Raja Dabshalim, raja India pada abad ke-3 SM. Di dalam hikayat ini berisi cerita-cerita bijak yang mengetengahkan watak-watak haiwan sebagai watak utamanya. Kemudian, hikayat ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada abad ke-17 M (Lukmanul Hakim & Abu Haif, 2019).

## Sorotan Literatur

Hikayat ini yang menggunakan watak haiwan sebagai watak utamanya yang berupaya memberikan impak positif kepada khalayak. Kebiasaannya karya yang berunsurkan haiwan ini adalah berbentuk satira yang bertujuan untuk mendidik dan memberikan pengajaran kepada khalayak. Menurut Raihan Marzuki dan Pabiyah Hajimaming @ Toklubok (2017), kisah

bertemakan haiwan sebagai wataknya bertujuan untuk menyampaikan nilai murni kepada pembaca. Pembaca lebih mudah untuk memahami mesej dan mencerna nilai murni yang cuba diserapkan menerusi pembacaan. Kajian Raihan Marzuki dan Pabiyah Hajimaming @ Toklubok (2017) lebih menumpukan kepada aspek akhlak mengikut pandangan al-Ghazali menerusi *Kalilah wa Dimnah* iaitu diperlihatkan dari sudut nilai murni. Penumpuan aspek nilai murni yang ditemui dalam teks ini seperti yang digariskan oleh al-Ghazali adalah *al-hikmah* (kebijaksanaan), *al-syaja'ah* (keberanian), *al-'iffah* (kesucian) dan *al-adlu* (keadilan). *Kalilah wa Dimnah* yang menampilkan tema haiwan sebagai medium untuk membentuk akhlak mulia. Kepelbagaian nilai murni yang cuba diterapkan berupaya memberikan impak dalam mendidik pembaca.

Kajian Agatha Trisari S. dan Yuyun Rustandi (2020) menumpukan kepada strukturalisme teks menggunakan pendekatan strukturalisme Levi-Strauss. Pendekatan ini berfokus kepada sejauh mana simbolisme transformasi dari struktur luar tidak akan terpengaruh pada struktur dalam dari sudut mitos atau dongeng. Oleh yang demikian, berdasarkan kajian tersebut mendapati bahawa struktur dalam teks diperlihatkan menerusi nilai-nilai perwatakan seperti tanggungjawab, keberanian, kepercayaan, ketulusan, kesetiaan, rasa iri hati dan kebaktian yang ditemui dalam cerita-cerita yang terkandung dalam *Hikayat Kalilah dan Dimnah*. Pesanan yang disampaikan kepada generasi seterusnya melalui struktur dalaman teks, pada asasnya akan mengingatkan kepada manusia mengenai nilai-nilai yang perlu ada pada diri manusia.

Selain itu, Dwi Apri Kurniawan dan Asep Yudha Wirajaya (2020) memberikan pandangan bahawa pada era globalisasi ini nilai-nilai luhur budaya dan norma kian luntur dalam generasi muda. Permasalahan moral yang berlaku pada masa kini menjadi satu cabaran yang harus dihadapi oleh masyarakat dan sewajarnya perlu ditangani dengan segera. Sehubungan itu, pengajaran moral dapat ditanamkan dalam diri manusia terutamanya melalui karya sastera. Menurut Dwi Apri Kurniawan dan Asep Yudha Wirajaya (2020), *Hikayat Kalilah dan Damina* mengandungi nilai-nilai hikmah yang memiliki pesan moral tersendiri untuk pembacanya. Intipati ajaran moral yang ingin disampaikan dan dicapai daripada *Hikayat Kalilah dan Damina* adalah gambaran tentang manusia ideal, iaitu manusia berakhlak. Manusia yang berakhlak akan selalu mendahului perbuatan mulia dalam setiap perlakuan. Perbuatan mulia yang dianjurkan dalam agama merupakan naluri dari hati nurani dari setiap manusia yang berakal. Cerita-cerita dalam *Hikayat Kalilah dan Damina* merupakan sebuah alternatif media pengajaran moral yang sesuai untuk diterapkan dalam diri kanak-kanak kerana kisah-kisahnyanya mengenai haiwan sangat sesuai dan digemari oleh kanak-kanak. Berdasarkan penelitian terhadap kajian tersebut mendapati bahawa beberapa aspek pengajaran moral telah ditemui seperti penjagaan kesihatan, memelihara kepercayaan, memelihara hubungan persahabatan, kesetiaan, kecerdikan, setia kawan, kerjasama, dan usaha dalam menyeimbangkan kecerdasan antara kebijaksanaan, emosi dan rohani.

Dwi Apri Kurniawan dan Asep Yudha Wirajaya (2020) juga berpandangan bahawa nilai-nilai moral dalam *Hikayat Kalilah dan Damina* masih relevan dengan tujuan dan cita-cita pendidikan Indonesia saat ini, yakni pendidikan perwatakan. Pendidikan perwatakan yang berorientasikan kepada pembentukan mental, sikap dan perilaku manusia. Dengan berbekalkan perwatakan dasar inilah diharapkan mampu sebagai penyempurnaan dalam mengarahkan manusia menuju pada arah kehidupan yang baik.

Oleh yang demikian berdasarkan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh Raihan Marzuki dan Pabiyah Hajimaming @ Toklubok (2017), Agatha Trisari S. dan Yuyun Rustandi (2020) serta Dwi Apri Kurniawan dan Asep Yudha Wirajaya (2020) menumpukan kepada kajian berkaitan akhlak, nilai-nilai perwatakan dan pengajaran moral dan *Hikayat Kalilah dan Dimnah* atau *Hikayat Kalilah dan Damina*.

Raihan Marzuki dan Pabiyah Hajimaming @ Toklubok (2017) turut menyentuh bahawa nilai akhlak yang terkandung dalam *Hikayat Kalilah dan Dimnah* dapat membentuk jati diri muslim yang sebena khususnya dalam rangka mewujudkan nilai kebaikan hidup bermasyarakat khususnya di Malaysia. Usaha memanfaatkan karya sastera seperti *Hikayat Kalilah dan Dimnah* dapat menjadi pendorong kepada pengarang lain untuk terus giat meningkatkan kualiti penulisan dalam rangka mendidik jiwa pembaca dan membentuk nilai insan yang lebih baik menerusi karya yang dihasilkan. Hal ini turut diperakui Dwi Apri Kurniawan dan Asep Yudha Wirajaya (2020) yang menyebut bahawa *Hikayat Kalilah dan Damina* masih layak untuk terus diangkat dan disajikan sebagai bahan pembelajaran dalam konteks dunia pendidikan baik secara khusus mahupun contoh pengajaran moral dalam masyarakat secara umum.

Justeru, berdasarkan kepada pandangan Raihan Marzuki dan Pabiyah Hajimaming @ Toklubok (2017) dan Dwi Apri Kurniawan dan Asep Yudha Wirajaya (2020) yang menekankan aspek dalam mendidik, pembentukan nilai dan pengajaran moral dalam *Hikayat Kalilah dan Dimnah* telah mendorong kepada satu perbincangan mengenai nilai ilmu pendidikan. Oleh yang demikian, menerusi makalah ini akan memperlihatkan pengungkapan nilai ilmu pendidikan menerusi *Hikayat Kalilah dan Dimnah* yang bertujuan untuk menyampaikan mesej, pesanan dan nasihat pengarang kepada khalayak.

## Metodologi

Makalah ini menggunakan kaedah kepustakaan dalam mengumpulkan maklumat dan bahan kajian melalui sumber primer dan sekunder seperti artikel, buku, esei, dan sebagainya. Selain itu, penelitian dan penganalisan data kajian yang telah diperolehi serta dikumpulkan itu dalam bahagian perbincangan. Makalah ini juga akan menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci yang diasaskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan untuk mengukuhkan hujahan perbincangan ini. Teori Konseptual Kata Kunci yang diasaskan oleh Mokhtar Hassan telah mengemukakan tiga prinsip iaitu:

### i. Kepengaruhan

Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2005), prinsip kepengaruhan berhubung dengan pengarang. Hal ini berhubung dengan konsepsi pengarang terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek atau sebagainya sedikit sebanyak dipengaruhi oleh latar belakang pengarang termasuk keluarga, pendidikan, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi, politik, pertubuhan yang diperjuangkan dan sebagainya. Faktor umur, masa dan peredaran zaman juga sedikit sebanyak memainkan peranan dalam menentukan konsepsi seseorang pengarang itu. Faktor-faktor ini juga turut menentukan penerusan atau perubahan konsepsi seseorang pengarang itu. Justeru, dalam mencari konsepsi seseorang pengarang itu, peneliti harus mengenali latar belakang pengarang dan faktor-faktor lain yang berkaitan mempengaruhi diri

pengarang dengan lebih mendalam. Unsur ekstrinsik amat penting diketahui dalam memahami konsepsi seseorang pengarang itu. Dalam meneliti sesebuah karya sastra, seseorang peneliti juga harus mengetahui tarikh sesebuah karya itu dihasilkan. Ini kerana dengan mengetahui tarikh karya itu dihasilkan sekurang-kurangnya dapat menentukan usia pengarang itu ketika karya itu dihasilkan. Malah kaitan juga perlu dilihat dari aspek latar belakang pendidikan, pekerjaan, masyarakat, politik, pertubuhan yang diperjuangkan oleh seseorang pengarang dan sebagainya yang melingkungi karya itu dihasilkan. Dengan memahami unsur ekstrinsik ini sedikit sebanyak, seseorang peneliti dapat memahami konsepsi seseorang pengarang itu terhadap sesuatu isu, perkara, hal, objek dan sebagainya.

## ii. Pemilihan kata

Mohamad Mokhtar Hassan (2005) menjelaskan bahawa prinsip pemilihan kata berhubung dengan karya sastra. Dalam prinsip ini, pengarang akan menggunakan kata-kata yang berada dalam lingkungan dirinya untuk menyatakan konsepsinya terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek dan sebagainya. Kata-kata itu bagi sesuatu konsep itu akan sentiasa melingkari minda seseorang pengarang itu. Walau bagaimanapun, pemilihan kata-kata bagi sesuatu konsep itu dalam sesebuah karya sastra, mungkin diungkapkan melalui kata-kata konkrit dan kemungkinan juga diungkapkan melalui kata-kata abstrak.

## iii. Kesan

Menurut Mohamad Mokhtar Hassan (2005), seseorang pengarang secara sedar atau tidak sedar akan mengemukakan konsepnya terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek atau sebagainya melalui karya-karyanya dengan pemilihan kata yang digunakan. Konsepsi seseorang terhadap sesuatu isu, hal, perkara, objek atau sebagainya dapat dirasai oleh khalayak pembaca dengan meneliti karya atau karya-karya yang dibaca dengan meneliti kata-kata kunci yang digunakan oleh pengarang. Kejayaan menemui konsepsi seseorang pengarang itu akan terhasil apabila konsepsi yang dikemukakan oleh khalayak pembaca itu menyamai konsepsi yang dikemukakan oleh pengarang. Namun demikian tidak dinafikan bahawa seseorang pembaca itu mempunyai tafsirannya tersendiri terhadap konsepsi seseorang pengarang berdasarkan penelitiannya terhadap karya atau karya-karya yang dikaji. Justeru, untuk mendapatkan konsepsi seseorang pengarang dengan lebih objektif, seseorang peneliti itu harus memahami ekstrinsik pengarang dengan mendalam iaitu latar belakang, pendidikan, pekerjaan, masyarakatnya pertubuhan yang diceburinya dan sebagainya yang ada hubungan dengan diri pengarang.

## Analisis Perbincangan

Penghasilan karya sastra tidak kira sama ada bergenre tradisional ataupun moden, akan memaparkan nilai ilmu pendidikan yang bertujuan dalam memberikan nasihat, mendidik dan pengajaran kepada khalayak. Pengarang adalah figura penting dalam memastikan setiap idea dan pemikirannya yang berunsurkan dan bertujuan untuk mendidik dapat disampaikan dan dikongsikan kepada khalayak. Sehubungan itu, amatlah wajar sekali karya sastra ini merupakan wadah pengarang dalam mengungkapkan nilai ilmu pendidikan menerusi karyanya.

Pengarang *Hikayat Kalilah dan Dimnah* telah mengungkapkan pelbagai nilai ilmu pendidikan yang bertujuan untuk memberikan pengajaran, nasihat dan mendidik khalayak. Penampilan teks ini yang menggunakan watak haiwan adalah disebabkan watak haiwan lebih mudah untuk diinterpretasikan dalam bentuk satira atau menyindir golongan-golongan tertentu. Sindiran secara halus ini sebenarnya berupaya untuk khalayak berfikir dan membuat tafsiran setiap idea atau pemikiran yang ingin disampaikan melalui watak-watak haiwan tersebut. Dalam masa yang sama, hikayat ini juga turut menggunakan watak-watak manusia untuk menggerakkan penceritaan. Hikayat ini juga turut menampilkan pelbagai cerita di dalamnya.

## Nilai Ilmu Pendidikan dalam Mencari dan Mengurus Rezeki Serta Harta

Umat Islam disarankan agar mencari rezeki dan harta daripada sumber yang halal dan tidak diragui statusnya. Allah SWT juga menyarankan agar hamba-Nya mencari sumber rezeki yang halal dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam Islam. Hal ini kerana mencari harta itu adalah untuk bekalan hidup manusia dan menegah manusia meminta-minta daripada orang lain. Harta dan rezeki yang dicari mestilah daripada sumber yang halal kerana akan menjadi darah daging manusia (Nadiatul Shakinah Abdul Rahman, Arba'ie Sujud & Salmah Jan Noor Muhammad, 2016). Harta yang diperoleh merupakan amanah dan selebihnya ialah ujian Allah. Umat Islam sama sekali ditegah menjadi hamba kepada harta kerana ia akan menghilangkan amanah yang diberikan. Dalam mencari rezeki dari sumber yang baik dan halal, pencari rezeki juga perlu bijak dalam menguruskan rezeki dan hartanya. Rezeki yang dicari bukan bertujuan untuk dibelanja dan disimpan semata-mata tetapi, haruslah diuruskan dengan baik.

Pengarang *Hikayat Kalilah dan Dimnah* telah menyentuh dan menyelitkan cerita perihal seorang bapa di Dastawand yang mempunyai tiga anak lelaki. Apa yang menyedihkan ialah ketiga-tiga anak lelakinya itu lebih gemar menghabiskan hartanya dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Lantaran itu, si bapa telah menasihati ketiga-tiga anaknya itu sehingga menyebabkan mereka menjadi insaf akan perbuatan yang telah dilakukan itu. Perhatikan contoh teks berikut:

“Hai anakku” katanya, “manusia mencari tiga perkara dengan mempergunakan empat perkara jadi perkakas. Tiga yang dicarinya itu ialah **rezeki yang murah, darajat yang mulia dan perbekalan untuk di akhirat.**” Dan empat yang jadi perkakas untuk pencarinya ialah **pandai mencari harta, pandai memeliharakannya, pandai menjalankannya dan pandai membelanjakannya di tempat yang berfaedah, umpama menolong kaum kerabat, melapangi sanak saudara.** Barangsiapa menyia-nyiakan salah satu daripada empat perkara itu, tiadalah maksudnya akan tercapai selama-lamanya. **Orang yang tiada pandai menyimpan, tentu hartanya itu segera habis dan ia jadi fakir. Pandai pula menyimpan, tetapi tiada pandai menjalankannya, tentu akan habis juga hartanya, sekalipun dengan berdikit-dikit.** Celak mata, sekalipun yang diambil hanya abunya, lama-kelamaan habis juga. **Pandai menjalankannya tetapi tiada pandai membelanjakannya pada barang yang berguna dan perlu, samalah keadaan dengan orang fakir yang tiada**


**berharta. Janganlah disangka, bahawa harta yang tiada dibelanjakan akan kekal terpelihara selama-lamanya.** Banyak jalan di luar kuasa manusia mengelakkannya yang akan memusuhkan harta itu. Air yang tergenang pada suatu tempat, jika tiada diberi jalan tempat mengalir, tak dapat tidak tempat itu dipecahkannya dan air terbuang percuma.” (*Hikayat Kalilah dan Dimnah*, 2019).

Jika diperhatikan petikan ini memperlihatkan bahawa pengarang telah mengungkapkan nilai ilmu pendidikan menerusi watak si bapa yang menasihati anak-anaknya. Antara perkara yang disentuh berkaitan dengan perkara yang dicari oleh manusia iaitu rezeki yang murah, darjat yang mulia dan perbekalan untuk di akhirat. Malah, pencari rezeki perlulah pandai mencari harta, pandai memeliharakannya, pandai menjalankannya dan pandai membelanjakannya di tempat yang berfaedah, umpama menolong kaum kerabat, melapangi sanak saudara. Dalam hal ini, pengarang telah menitikkan dan menekankan bahawa manusia perlu bijak dalam mencari harta, menguruskan dan membelanjakannya pada tempat yang berfaedah.



Rajah 1: Kata Kunci Rezeki dan Harta

Kata kunci rezeki dan harta seperti yang diutarakan pengarang ialah murah, bekalan, darjat, akhirat, mulia, cari, pelihara atau urus, usaha, simpan dan belanja. Berdasarkan kata kunci ini, pengarang telah menekankan konsep rezeki dan harta. Dalam hal ini, pengarang telah menitikberatkan perihal rezeki dan harta yang sememangnya perlu dicari dan dimanfaatkan harta yang telah diperolehi itu. Jika diperhatikan konsep rezeki dan harta yang dipaparkan ini dikonotasikan dari sudut makna positif. Walau bagaimanapun, pengarang turut mengungkapkan konsep rezeki dan harta dari sudut makna negatif.



Rajah 2: Kata Kunci Rezeki dan Harta



Kata kunci rezeki dan harta dari sudut makna negatif pula membawa makna yang berbeza. Pengarang menekankan kata kunci seperti habis, fakir, tidak berharta, belanja, tidak kekal dan tidak pandai. Dalam hal ini, pengarang menegaskan beberapa perkara berkaitan dengan rezeki dan harta yang tidak pandai diuruskan akan menyebabkan harta tersebut akan habis, fakir, miskin dan sebagainya seperti yang diungkapkan dalam contoh petikan tersebut.

## Nilai Ilmu Pendidikan dalam Menjaga Batas Hubungan

Melalui teks ini, pengarang turut menyentuh perihal kedudukan seorang raja dan rakyatnya. Dalam hubungan ini, rakyat perlu menjaga dan tidak melampaui batas dengan mencampuri urusan seorang raja. Pengarang teks menyelitkan kisah ini bertujuan untuk mendidik manusia menjadi manusia yang tidak mencampuri urusan orang lain terutamanya urusan berkaitan dengan pemerintah. Dalam konteks ini, sebagai manusia seharusnya tidak mencampuri urusan orang lain kerana mencampuri urusan orang lain akan menyebabkan berlakunya perselisihan faham atau menjadikan sesuatu perkara menjadi lebih rumit. Cerita yang disampaikan oleh pengarang ini berkait rapat dengan latar belakangnya yang diminta untuk menghasilkan karya ini oleh seorang raja.

Di antara berbagai-bagai jenis binatang yang di bawah perintah raja singa itu ada dua ekor bernama Kalilah dan yang seekor lagi Dimnah. Karena melihat raja tiada pernah keluar-luar lagi, maka pada suatu hari berkatalah Dimnah kepada Kalilah, “Hai saudaraku, tahukah engkau apa sebabnya maka raja kita kelihatan berduka cita tidak keluar-luar dari tempatnya seperti sehari-hari?” “Apa gunanya engkau tanyakan hal itu,” jawab Kalilah. “Kita hamba **rakyat wajib berusaha menyenangkan hati raja, dan menjauhkan segala yang akan menyusahkan kepadanya. Bukan kita yang patut mencampuri hal raja dan memperkatakannya.** Sebab itu janganlah engkau menanyakan hal itu juga. Ketahuilah orang yang suka mencampuri urusan orang yang bukan urusannya sendiri, mungkin serupa halnya dengan kera yang mencampuri pekerjaan tukang kayu.” (*Hikayat Kalilah dan Dimnah*, 2019).


Berdasarkan petikan ini jelas menunjukkan bahawa pengarang mengungkapkan nilai ilmu pendidikan yang bertujuan untuk mendidik dan memberikan nasihat kepada khalayak. Perkara ini dapat diperlihatkan menerusi ungkapan rakyat wajib berusaha menyenangkan hati raja, dan menjauhkan segala yang akan menyusahkan kepadanya. Rakyat tidak berhak untuk mencampuri hal raja dan memperkatakannya. Jika dilihat dalam konteks masa kini, sebagai seorang rakyat seharusnya menjaga hubungan yang baik dengan pemerintah dan tidak mencampuri urusan orang lain apatah lagi menasihati atau menjadi penasihat yang tidak berkeelayakan. Hal ini bertujuan untuk memastikan kestabilan politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara. Sekiranya mereka yang tidak mempunyai kelayakan dan mencampuri urusan tersebut, sudah pasti akan menyebabkan negara berpecah-belah dan kestabilan negara akan menjadi semakin goyah.

## Nilai Ilmu Pendidikan dalam Melantik Seorang Penasihat

Kebiasaannya seseorang pemerintah akan dikelilingi orang mereka yang membantu dalam urusan pemerintahannya. Setiap pemimpin atau pemerintah tidak akan memerintah secara sendirian kerana mereka akan dibantu oleh penasihatnya dalam melancarkan urusan pemerintahan. Penasihat yang dilantik perlulah memiliki ciri-ciri yang baik dan berupaya dalam membantu melancarkan pemerintahan sesebuah kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam konteks teks ini, pengarang telah menekankan ciri-ciri penasihat kepada pemerintah yang akan membinasakan kekuasaannya sehingga boleh menyebabkan kuasa pemerintahannya jatuh dan negara menjadi kucar-kacir.

“Menurut pemandanganku,” kata Kalilah, “tiadalah bahayanya raja singa mempercayai Syatrabah dan mengasihinya. Kudengar ia seorang yang berbudi dan layak dipercayai.” “Benar katamu itu,” jawab Dimnah. “Tetapi ingatlah, **enam perkara yang dapat membinasakan kekuasaan raja. Pertama, ketiadaan orang yang setia yang dapat dipercayai untuk jadi penasihat, kedua, petenah yang kerap kali menerbitkan peperangan yang membinasakan hamba rakyat. Ketiga, menurutkan nafsu, sangatlah gemar kepada segala permainan dan kesenangan, keempat, kasar mulut dan jahat tangan. Kelima, masa yang senantiasa melemahkan barang yang kuat, menjadikan tua segala yang muda, Dan keenam, kurang bijaksana, lunak di tempat yang harus berlaku keras-keras di mana yang mesti berlaku lunak.**” (*Hikayat Kalilah dan Dimnah*, 2019).

Jelaslah bahawa, pengarang turut menekankan perihal enam perkara atau ciri-ciri yang akan memberikan binasa kepada kuasa pemerintah iaitu tiada orang setia dan percaya yang boleh menjadi penasihat, fitnah yang akan menyebabkan peperangan dan binasakan rakyat, ikut hawa nafsu, jahat mulut dan tangan, melemahkan atau memperkotak-katikkan orang lain dan kurang bijaksana. Ciri-ciri yang dikemukakan pengarang ini memberikan peringatan dan nasihat kepada pemimpin agar bijak dalam mencari seorang penasihat.



Rajah 3: Kata Kunci Ciri Penasihat yang Binasakan Kuasa Pemerintah

Jika diamati kata kunci dalam rajah 3 memperlihatkan konsepsi pengarang terhadap ciri-ciri penasihat yang akan membinasakan pemerintah. Berdasarkan latar belakang pengarang

memperlihatkan bahawa pengarang memberikan nasihat kepada raja agar mencari penasihat berdasarkan ciri-ciri yang disenaraikan itu. Hal ini kerana, kesilapan dalam mencari penasihat yang baik akan meruntuhkan sesebuah negara dan pada akhirnya negara akan menjadi huru-hara. Ciri-ciri yang diungkapkan oleh pengarang dalam karyanya ini perlulah dijadikan sebagai panduan dan mengelakkan diri daripada melantik penasihat yang memiliki ciri-ciri yang dinyatakan itu.

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, berdasarkan analisis yang dikemukakan ini telah membuktikan bahawa pengarang telah menggunakan karya yang dihasilkan itu dalam menyampaikan nilai ilmu pendidikan kepada khalayaknya. Khalayak akan memperolehi nilai ilmu pendidikan yang diterapkan oleh pengarang dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Justeru, pengarang telah memanfaatkan fungsi sastera dengan sebaiknya agar dapat dikongsi dan direnungi oleh khalayak. Oleh yang demikian, adalah wajar kajian mengenai nilai ilmu pendidikan dalam karya sastera diterokai dengan lebih mendalam dalam teks ini mahupun dalam teks yang lain.

## Rujukan

- Ani Omar. 2015. Pendidikan sastera remaja di Malaysia dalam membina generasi unggul berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. *Pendeta*, 5: 1-23
- Agatha Trisari S. & Yuyun Rustandi. 2020. Simbolisme transformasi makna pada *Hikayat Kalilah dan Dimnah*: Kajian strukturalisme Levi-Strauss. *Media Bahasa, Sastra dan Budaya Wahana*, 26(1): 1-12.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Asiah Abdul Rahman. 2011. *Sastera Melayu suatu pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Dwi Apri Kurniawan & Asep Yudha Wirajaya. 2020. *Hikayat Kalilah dan Damina*: Sebuah cerminan model pengajaran moral melalui cerita hikmah. *Tuah Talino*, 14(4): 250-261.
- Ismail Djamil (Ed.). 2019. *Hikayat Kalilah dan Dimnah*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Lukmanul Hakim & Abu Haif. 2019. Historiografi Indonesia: Melacak pengaruh Islam sebelum masa kolonial. *Majalah Ilmiah Tabuah*, 23(2): 98-113. doi: <https://doi.org/10.37108/tabuah.vi.243>
- Mohamad Mokhtar Hassan. 2005. *Teori konseptual kata kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Taib Osman. 1977. *Pengajaran bahasa dan kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadiatul Shakinah Abdul Rahman, Arba'ie Sujud & Salmah Jan Noor Muhammad. 2016. Pesanan dan peringatan dalam *Syair Jamad al-Qiamat*. *Mahawangsa*, 3(2): 129-154
- Othman Puteh. 1989. Sastera remaja ditinjau daripada beberapa perspektif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raihan Marzuki & Pabiyah Hajimaming @ Toklubok. 2017. Elemen pembinaan akhlak Al-Imam Al- Ghazali menerusi karya klasik *Kalilah wa Dimnah*. *Malaysia Journal For Islamic Studies*. 1: 25-44